

# Penyewa Kompleks BB Plaza hantar memorandum

KUALA LUMPUR 19 Jun - UDA Holdings Bhd. (UDA Holdings) hari ini telah menerima memorandum yang ditandatangani 48 penyewa Kompleks BB Plaza berhubung isu pembinaan stesen MRT di kompleks berkenaan.

UDA Holdings dalam kenyataannya berkata, memorandum itu diserahkan oleh jurucakap penyewa Kompleks BB Plaza, Hassan Saad kepada Ketua Pegawai Operasi UDA Mall Sdn. Bhd. Salamah Ismail.

UDA Holdings ingin menegaskan bahawa isu itu, membabitkan kepentingan bersama termasuk kakitangan syarikat, penyewa, pihak-pihak yang berkepentingan dan pemegang saham.

Setakat ini, UDA Holdings sendiri secara rasmi belum menerima sebarang arahan atau kata putus Kementerian Kewangan mengenai status bangunan BB Plaza sama ada ia akan dikekalkan, diroboh atau diambil-alih mana-mana pihak.



**BANGUNAN BB Plaza di Kuala Lumpur mungkin dikekalkan atau diroboh bagi memberi laluan kepada pembinaan stesen MRT.**

Bagaimanapun, UDA Holdings sudah mengeluarkan notis penamatan kepada tiga penyewa iaitu Starbucks Coffee, Gloria Jean dan Hot & Roll awal Jun ini, berda-

sarkan arahan yang diberikan oleh MRT Corp. bagi tujuan pembinaan jalan lencongan di Jalan Bukit Bintang tetapi penyewa lain masih boleh beroperasi seperti biasa.